

- 
4. Ratakan air ke tangan hingga ke siku mulai dengan tangan kanan dan diakhiri dengan tangan kiri.

- 
7. Sembur air terus ke kaki dan ratakan air ke seluruh bahagian kaki hingga meliputi buku lali, dimulakan dengan kaki kanan dan diakhiri dengan kaki kiri.

- 
5. Semburkan sedikit air di tapak tangan untuk menyapu sebahagian kepala; atau sembur air terus ke kepala.

8. Sunat membaca doa selepas berwuduk.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ اجْعَلْنِي
مِنَ التَّوَّابِينَ وَاجْعَلْنِي مِنَ الْمُتَطَهِّرِينَ وَاجْعَلْنِي
مِنْ عِبَادِكَ الصَّالِحِينَ

Maksudnya: "Aku bersaksi bahawa tiada Tuhan selain Allah Yang Esa tiada yang menyekutuiNya. Dan aku bersaksi bahawa Muhammad itu hambaNya dan PesuruhNya. Ya Allah jadikanlah aku daripada orang-orang yang bertaubat dan jadikanlah aku daripada orang-orang yang menjaga kebersihan dan jadikanlah aku daripada hambaMu yang soleh".

- 
6. Menyapu sebahagian daripada kepala.



PANDUAN WUDUK DENGAN MENGGUNAKAN PENYEMBUR AIR (WATER SPRAY)

KEADAAN YANG MENGHARUSKAN WUDUK DENGAN MENGGUNAKAN PENYEMBUR AIR (WATER SPRAY)

- Semua pesakit yang tidak mampu ke tempat wuduk / bilik air.
- Pesakit yang berbalut pada mana-mana bahagian anggota wuduk, (Muka, tangan, kepala dan kaki).

- Semburan air dimulakan pada anggota wuduk yang tidak berbalut.
- Diikuti dengan sapukan sedikit air pada anggota wuduk yang berbalut.
- Jika mendatangkan mudarat, tidak perlu disapu air.
- Tertib - mengikut turutan rukun.

NIAT WUDUK

نَوَيْتُ رَفْعَ الْحَدَثِ الْأَصْغَرِ لِلَّهِ تَعَالَى

Sahaja aku mengangkat (menghilangkan) hadas kecil kerana Allah Ta'ala.

نَوَيْتُ الْوُضُوءَ لِلَّهِ تَعَالَى

Sahaja aku berwuduk kerana Allah Ta'ala.

FARDU WUDUK

1

Niat mengangkat hadas kecil ketika mula membasuh muka

2

Membasuh kedua-dua belah tangan hingga ke siku

3

Menyapu air di kepala

4

Membasuh kedua-dua belah kaki hingga ke buku lali

5

Tertib
(Mengikut turutan rukun)

AMALI WUDUK MENGGUNAKAN PENYEMBUR AIR (WATER SPRAY)



1. Semburkan sedikit air ke tapak tangan daripada alat penyembur air, atau semburkan air terus ke muka.



2. Ratakan air ke seluruh muka dengan disertai niat wuduk.



3. Semburkan sedikit air untuk membasuh tangan, atau semburkan air terus ke tangan.